



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH

Office Of The State Secretary Of Sabah

JABATAN KETUA MENTERI

Chief Minister's Department

Aras 28, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah

Jalan UMS, Teluk Likas

88400 KOTA KINABALU, SABAH

MALAYSIA

Tel : +6088-369 900

: +6088-369 901

Faks : +6088-211 016

Rujukan : JKM100-4/62

Tarikh : 25 Mei 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pejabat Daerah/ Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan-badan Berkanun
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Yang Berbahagia Datuk / Tuan / Puan,

**ARAHAN KEHADIRAN BERTUGAS
PENJAWAT AWAM KERAJAAN NEGERI SABAH MULAI 25 MEI 2021**

Perkara di atas dirujuk.

2. Berikutan dengan keputusan Kerajaan Negeri Sabah untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 12 Mei 2021 sehingga 07 Jun 2021, semua Ketua Organisasi hendaklah memastikan keberadaan penjawat awam ke pejabat mencapai tahap **70% pada waktu bekerja** manakala **30% dibenarkan bekerja dari rumah** dengan kelulusan Ketua organisasi. Manakala, bagi penjawat awam yang tinggal di kawasan lokaliti-lokaliti di bawah arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah tidak dibenarkan hadir bekerja.

3. Kerajaan Negeri sekali lagi mengingatkan semua penjawat awam supaya mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan semasa dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Pihak Yang Berkuasa.

4. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama-sama memerangi penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)
Setiausaha Kerajaan Negeri

...2-

Rujukan : JKM100-4/62
Tarikh : 25 Mei 2021
Muka surat : 2

s.k. Setiausaha Persekutuan Sabah
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS
88400 KOTA KINABALU

- **Mohon arahan ini dapat dilaksanakan di pejabat persekutuan**